



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN (BTP) 2026

ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2026



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK

BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN (BTP) 2026
BRUNEI DARUSSALAM

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), akan mengendalikan **Banci Tahunan Perusahaan (BTP) 2026** bagi tahun rujukan 2025 mulai 1 Ogos hingga 30 September 2026.
2. BTP 2026 meliputi perniagaan dan syarikat yang aktif menjalankan kegiatan ekonomi di Negara Brunei Darussalam. Banci ini mengumpulkan maklumat mengenai aktiviti perniagaan, pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan bagi menghasilkan statistik ekonomi negara yang komprehensif serta memberikan gambaran mengenai prestasi dan perkembangan sektor swasta, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).
3. Maklumat yang dikumpulkan melalui banci ini adalah penting bagi menyokong pemantauan, perancangan, penyelidikan dan penggubalan dasar berasaskan bukti berkaitan pembangunan ekonomi dan pertumbuhan perniagaan di negara ini. Hasil daripada banci juga akan membantu meningkatkan ketersediaan statistik berkaitan perusahaan serta memperkuat pemahaman mengenai landskap ekonomi Negara.
4. Borangtanya banci akan diedarkan kepada perniagaan dan syarikat melalui pos, e-mel serta lawatan ke premis oleh Pekerja Sementara Kerja Luar Banci yang dilantik. Borangtanya banci juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang JPES. Pekerja-pekerja luar berkenaan juga akan membantu dan memberikan tunjukajar bagi memastikan maklumat yang dikumpulkan adalah lengkap dan tepat jika diperlukan.

5. JPES menyeru semua perniagaan dan syarikat untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dengan mengemukakan maklumat yang lengkap dan tepat dalam tempoh yang ditetapkan. Kerjasama yang diberikan adalah penting bagi memastikan statistik yang dihasilkan adalah berkualiti, tepat dan relevan untuk kegunaan perancangan serta pembangunan negara. Banci ini dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang mewajibkan penyediaan maklumat bagi tujuan perangkaan. Mana-mana individu yang gagal atau enggan memberikan maklumat yang dikehendaki, dengan sengaja memberikan maklumat yang palsu atau enggan mematuhi keperluan banci boleh dikenakan denda tidak melebihi BND4,000.
6. JPES ingin memberi jaminan kepada semua perniagaan dan syarikat yang terlibat bahawa segala maklumat yang dikumpulkan semasa banci ini akan disimpan sulit dan hanya akan digunakan bagi keperluan perangkaan. Selaras dengan peruntukan Akta Perangkaan, Penggal 81 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, maklumat individu syarikat atau perniagaan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak, dan hanya statistik dalam bentuk agregat akan diterbitkan.
7. Tarikh tutup untuk mengembalikan borangtanya yang telah diisikan dengan lengkap ke JPES ialah pada **30 September 2026**.
8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai BTP 2026 bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut:

Hotline : 8230275 / 8320275 / 8260276
E-mel : economic.census@jpes.gov.bn
Laman sesawang : <https://www.deps.gov.bn>



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS

ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2026
BRUNEI DARUSSALAM

-
1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), will be conducting the **Annual Census of Enterprises (ACE) 2026** for the reference year 2025 from 1 August 2026 until 30 September 2026.*
 2. *ACE 2026 covers active companies and businesses operating in Brunei Darussalam. The census collects information relating to business activities, employment, revenue and expenditure to support the compilation of national economic statistics and to provide a better understanding of the performance and development of the private sector, particularly the Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs).*
 3. *The information collected through the census is important in supporting evidence-based monitoring, planning, research and policy formulation related to economic development and business growth in the country. Findings from the census will also contribute towards improving the availability of business-related statistics and strengthening understanding of the country's economic landscape.*
 4. *Questionnaires will be distributed to companies and businesses through post, e-mail and visits by appointed census fieldworkers. Businesses may also download the questionnaire from DEPS's website. Census fieldworkers will also be available to provide guidance and assistance to businesses in completing the questionnaire where required.*
 5. *DEPS seeks the cooperation of all companies and businesses to provide complete and accurate information in a timely manner. The census is conducted under the*

Statistics Act, Chapter 81 Laws of Brunei Darussalam, which requires the provision of information for statistical purposes. Under the Act, any person who fails to provide the required information, knowingly provides false information, or refuses to comply with the census requirements may be subject to a penalty of BND4,000, under the law.

- 6. DEPS would also like to assure all businesses that the information collected will be treated with strict confidentiality and used solely for statistical purposes. No individual company or business information will be disclosed.*
- 7. The closing date for submission of completed questionnaires to DEPS is **30 September 2026**.*
- 8. For any enquiries and information regarding ACE 2026, please refer to DEPS as follows:*

Hotline : 8230275 / 8320275 / 8260276

E-mail : economic.census@jpes.gov.bn

Website : <https://www.deps.gov.bn>